



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 47  
No. 11

**22hb Mei 2003**

*TAMBAHAN No. 50  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 143.**

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN BANGUNAN INDUSTRI)  
(PUSAT PENJAGAAN ORANG TUA) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Pusat Penjagaan Orang Tua) 2003**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

**Pemakaian**

2. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi seseorang berkenaan dengan perbelanjaan bangunan yang layak yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran bagi tujuan perniagaannya berhubung dengan pembinaan atau pembelian suatu bangunan yang digunakan sebagai pusat penjagaan orang tua yang diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), “perbelanjaan bangunan yang layak” ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan di bawah perenggan 3 Jadual 3 kepada Akta.

**Elaun**

3. Amaun elaun di bawah perenggan 80 Jadual 3 kepada Akta, hendaklah bersamaan dengan satu per sepuluh perbelanjaan bangunan yang layak bagi tahun taksiran itu dan setiap tahun bagi sembilan tahun taksiran yang berikutnya.

Dibuat 5 Mei 2003

[Perb. 0.3865/323 (Sk.1); LHDN. 01/35/(S)/42/51/60-7;  
PN(PU<sup>2</sup>)80/XXXVII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akta dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

**INCOME TAX ACT 1967****INCOME TAX (INDUSTRIAL BUILDING ALLOWANCE) (OLD FOLKS  
CARE CENTRE) RULES 2003**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Industrial Building Allowance) (Old Folks Care Centre) Rules 2003**.

(2) These Rules are deemed to have effect from the year of assessment 2003.

**Application**

2. (1) These Rules shall apply to a person in respect of qualifying building expenditure incurred in the basis period for a year of assessment for the purpose of his business relating to the construction or purchase of a building used as an old folks care centre approved by the Social Welfare Department.

(2) For the purpose of subrule (1), "qualifying building expenditure" means capital expenditure incurred under paragraph 3 of Schedule 3 to the Act.

**Allowance**

3. The amount of the allowance under paragraph 80 of Schedule 3 to the Act, shall be equal to one tenth of the qualifying building expenditure for that year of assessment and each year for the nine following years of assessment.

Made 5 May 2003

[Perb. 0.3865/323 (Sk.1); LHDN. 01/35/(S)/42/51/60-7;  
PN(PU<sup>2</sup>)80/XXXVII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*

**P.U. (A) 144.****AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974****UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN  
(PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA) 2003**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kesalahan yang boleh dikompaun dan orang yang boleh mengkompaun
4. Cara mengkompaun
5. Amaun kompaun
6. Pembayaran kompaun
7. Pemansuhan

JADUAL

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

## UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PENGKOMPANAN KESALAHAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 133(xxviii) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Menteri membuat undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Pengkompanaan Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2003**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Perbadanan” ertinya Perbandanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“resit rasmi” termasuklah mana-mana pengakuan oleh Perbadanan sama ada secara manual atau secara franking atau komputer atau lain-lain maksud cara elektronik.

**Kesalahan yang boleh dikompaun dan orang yang boleh mengkompaun**

3. Kesalahan yang berikut boleh dikompaun oleh Presiden, Setiausaha, mana-mana Pegawai Undang-Undang, atau mana-mana Pembantu Undang-Undang Perbadanan Putrajaya:

(a) kesalahan di bawah seksyen 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 52, 55, 56, 57, 58, 70, 70A, subseksyen 70B(15), seksyen 71, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82 dan 85 Akta dan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu; dan

(b) kesalahan di bawah seksyen 46, 47, 59 dan 87 Akta.

**Cara mengkompaun**

4. (1) Setelah menerima maklumat atau aduan bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan, mana-mana orang yang disebut dalam undang-undang kecil 3 hendaklah mengeluarkan suatu notis untuk mengkompaun kesalahan tersebut dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Tawaran untuk mengkompaun kesalahan adalah selama empat belas (14) hari, dan sekiranya bayaran penuh jumlah wang yang ditawarkan dibuat pada atau sebelum tarikh luput, tiada prosiding selanjutnya akan dikenakan ke atas

orang yang melakukan kesalahan itu. Sekiranya tiada pembayaran dibuat selepas tarikh luput, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

### **Amaun kompaun**

5. (1) Amaun bagi mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah seksyen 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 52, 55, 56, 57, 58, 70, 70A, subseksyen 70B(15), seksyen 71, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82 dan 85 Akta dan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu hendaklah tidak melebihi jumlah wang yang sama dengan lima puluh peratus daripada amaun maksima denda yang mana kesalahan itu boleh dihukum.

(2) Amaun bagi mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah seksyen 46, 47, 59 dan 87 Akta hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit.

### **Pembayaran kompaun**

6. (1) Apabila suatu tawaran untuk mengkompaun mana-mana kesalahan dibuat dan disetujui terima, pembayaran wang boleh dibuat secara tunai, atau secara kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Perbadanan Putrajaya dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(2) Pembayaran boleh dibuat di Perbadanan Putrajaya atau jika dihantar melalui pos, dialamatkan kepada Presiden Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, 62675 Putrajaya.

(3) Tiap-tiap pembayaran yang diterima hendaklah dikira sebagai wang kepunyaan Perbadanan Putrajaya dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran untuk mengkompaun itu.

### **Pemansuhan**

7. Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Kawasan Perbadanan Putrajaya) Jalan, Parit dan Bangunan 1999 [Sel. P.U. 7/1999] dimansuhkan.

#### JADUAL

(Undang-undang kecil 4)

#### TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada: .....

Alamat: .....

.....

Menurut \*aduan/siasatan yang diterima, tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Tarikh

Waktu

Tempat			
No. Pendaftaran Kenderaan		Jenis	
No. Cukai Jalan		Warna	

Kesalahan: Seksyen.....  
Undang-undang kecil


Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974  
Undang-Undang Kecil.....

Butir-butir kesalahan:.....  
.....

Amaun kompaun: RM.....  
Dikeluarkan oleh : .....  
Tarikh : .....

Saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan di atas mengikut bayaran yang ditunjukkan di atas. Pembayaran boleh dibuat dengan cara tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank yang kena dibayar kepada Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, 62675 Putrajaya dalam tempoh..... dari tarikh kompaun ini dikeluarkan. Sekiranya dalam tempoh tersebut kompaun tidak diselesaikan, pendakwaan akan dimulakan.

Waktu pembayaran:

Isnin – Khamis: 9.00 pagi – 4.30 petang  
Jumaat: 9.00 pagi – 12.15 tengah hari 2.45 – 4.30 petang .....  
Sabtu: 9.00 pagi – 12.30 tengah hari b.p. Presiden

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN**

Presiden,  
Perbadanan Putrajaya,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya,  
62675 Putrajaya

Saya merujuk kepada tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan bertarikh....., saya menerima tawaran tersebut dan disertakan bersama-sama ini \*kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No..... berjumlah RM..... bagi menjelaskan penyelesaian penuh kompaun itu.

Kesalahan: Seksyen.....  
Undang-undang kecil


Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974  
Undang-Undang Kecil.....

Tandatangan :.....  
Nama :.....  
Alamat :.....  
..... Dikeluarkan oleh:.....

Dibuat 5 Mac 2003  
[PPj/Undang (A) 6-2; PN(PU<sup>2</sup>)553/III]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
*Perdana Menteri*

**STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974****STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF  
OFFENCES) (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA)  
BY-LAWS 2003**

---

**ARRANGEMENT OF BY-LAWS**

---

## By-law

1. Citation and application
2. Interpretation
3. Compoundable offences and persons who may compound
4. Method of compounding
5. Amount of compound
6. Payment of compound
7. Repeal

## SCHEDULE

## STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2003

IN exercise of the powers conferred by paragraph 133(xxviii) of the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], the Minister makes the following by-laws:

**Citation and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2003**.

(2) These By-Laws shall apply only to the Federal Territory of Putrajaya.

**Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [*Act 536*];

“official receipt” includes any acknowledgement by the Perbadanan either manually or by franking or by computer or by any other electronic means.

**Compoundable offences and persons who may compound**

3. The following offences may be compounded by the President, Secretary, any Legal Officer or any Legal Assistant of the Perbadanan Putrajaya:

(a) offences under sections 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 52, 55, 56, 57, 58, 70, 70A, subsection 70B(15), sections 71, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82 and 85 of the Act and any offences under any by-laws made under the Act; and

(b) offences under sections 46, 47, 59 and 87 of the Act.

**Method of compounding**

4. (1) Upon receipt of information or complain that an offence has been committed, any such person mentioned in by-law 3 shall issue a notice to compound the offence in the form as prescribed in the Schedule.

(2) The offer to compound an offence is for a period of fourteen (14) days, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry date, no further proceedings shall be taken against such person. Otherwise prosecution will be instituted without further notice.



### Amount of compound

5. (1) The amount for compounding any of the offences under sections 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 52, 55, 56, 57, 58, 70, 70A, subsection 70B(15), sections 71, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82 and 85 of the Act and any offences under any by-laws made under the Act shall not exceed a sum equal to fifty per centum of the maximum amount of a fine with which the offence is punishable.

(2) The amount for compounding any offences under sections 46, 47, 59 and 87 of the Act shall not exceed five hundred ringgit.

### Payment of compound

6. (1) When an offer to compound of any offence is made and accepted, payment may be made in cash or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the Perbadanan Putrajaya and crossed with the words "Account Payee Only".

(2) Payment may be made at Perbadanan Putrajaya or if sent by post addressed to the President Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, 62675 Putrajaya.

(3) Every payment received shall be accounted for as money belonging to the Perbadanan Putrajaya and an official receipt be issued for it to the person to whom the offer to compound was made.

### Repeal

7. The Street, Drainage and Building, Compounding Of Offences (Kawasan Perbadanan Putrajaya) By-Laws 1999 [Sel. P.U. 7/1999] are repealed.

#### SCHEDULE

(By-law 4)

#### OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

To : .....

Address : .....

.....

It appears to me, on \*information/complaint received, that you have committed the following offence:

Date  Time

Place

Vehicle Registration No.  Model

Road Tax no.  Colour

Offence: Section  Street, Drainage & Building Act 1974  
 By-law  By-Laws .....

Particulars of offences .....

Amount of compound: RM..... Issued by : .....  
 Date : .....

I am prepared and hereby offer to compound the above offence the sum as shown above. Payment must be made in cash/money order/postal order/cashier's order/banker's order/banker's draft payable to President of Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, 62675 Putrajaya within ..... from the date of the issuance of this compound. If no payment received, prosecution will be instituted.

Payment time :  
 Mon. – Thur. : 9.00 a.m. – 4.30 p.m.  
 Fri. : 9.00 a.m. – 12.15 noon 2.45 – 4.30 p.m. ....  
 Sat. : 9.00 a.m. – 12.30 noon b.p. President

\*Delete wherever not applicable.

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND**

President,  
 Perbadanan Putrajaya,  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya,  
 62675 Putrajaya.

I refer to the offer to compound an offence dated....., I accept the offer and enclose herewith \*money order/postal order/cashier's order/banker's order/banker's draft No. .... for the sum of RM..... in full settlement of the compound.

Offence: Section  Street, Drainage & Building Act 1974  
 By-law  By-Laws .....

Signature : .....  
 Name : .....  
 Address : ..... Issued by: .....  
 .....  
 .....

Made 5 March 2003  
 [PPj/Undang (A) 6-2; PN(PU<sup>2</sup>)553/III]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
*Prime Minister*

**P.U. (A) 145.****AKTA DUTI HIBURAN 1953****PERINTAH DUTI HIBURAN (PENGECUALIAN) (No. 10) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Hiburan (Pengecualian) (No. 10) 2003**.

(2) Perintah ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 15 Januari 2003.

**Pengecualian**

2. Persembahan Kebudayaan dan Nyanyian Tiong Hwa yang telah diadakan di Pusat Khidmat MCA, Bahagian Titiwangsa, Kuala Lumpur dari 15 Januari 2003 hingga 14 April 2003 dikecualikan daripada duti hiburan.

Dibuat 14 April 2003

[Perb. (8.09) 248/39/2-1 Vol. 10 (s.k. 21); PN(PU<sup>2</sup>)174/IV]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY  
*Timbalan Menteri Kewangan*

**ENTERTAINMENTS DUTY ACT 1953****ENTERTAINMENTS DUTY (EXEMPTION) (No. 10) ORDER 2003**

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the Entertainments Duty Act 1953 [*Act 103*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Entertainments Duty (Exemption) (No. 10) Order 2003**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 15 January 2003.

**Exemption**

2. The Tiong Hwa Song and Cultural Presentation which was held at the MCA Service Centre, Titiwangsa Division, Kuala Lumpur from 15 January 2003 to 14 April 2003 is exempted from entertainments duty.

Made 14 April 2003

[Perb. (8.09) 248/39/2-1 Vol. 10 (s.k. 21); PN(PU<sup>2</sup>)174/IV]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY  
*Deputy Minister of Finance*

**P.U. (A) 146.**

## AKTA MAJLIS AMANAH RAKYAT 1966

PERATURAN-PERATURAN YAYASAN PELAJARAN MARA  
(PINDAAN) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 25 Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 [*Akta 489*], Majlis membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Yayasan Pelajaran MARA (Pindaan) 2003**.

**Peraturan baru 1A**

2. Peraturan-peraturan dalam Perintah Majlis Amanah Ra'ayat (Yayasan Pelajaran MARA) 1969 [*P.U. (A) 134/1969*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 1 peraturan yang berikut:

<sup>Tafsiran.</sup> 1A. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Ketua Pegawai Eksekutif" ertinya seorang pegawai eksekutif dalam perkhidmatan Yayasan yang dilantik di bawah peraturan 12A;

"Kumpulan Wang Yayasan" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah peraturan 5;

"Panel Pelaburan" ertinya Panel Pelaburan yang ditubuhkan di bawah peraturan 4A.".

### Pindaan peraturan 2

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 2 dengan peraturan yang berikut:

“Maksud dan tujuan Yayasan. 2. Tujuan Yayasan adalah—

- (a) untuk menubuhkan, menerima dan mentadbirkan kumpulan wang bagi kemajuan pendidikan, saintifik dan teknologi untuk Bumiputera;
- (b) untuk menubuhkan dan menyenggara biasiswa, pinjaman, pemberian dan bantuan kewangan yang lain kepada Bumiputera bagi maksud membolehkan mereka meneruskan pengajian mereka di institusi pendidikan terutamanya yang ditubuhkan oleh Majlis;
- (c) untuk mengadakan bantuan kewangan ke arah memperbaiki standard pendidikan Bumiputera dalam semua bidang;
- (d) untuk menyumbang bantuan kewangan ke arah penyelidikan dan pengajaran saintifik bagi maksud meningkatkan taraf hidup Bumiputera;
- (e) untuk mengadakan bantuan kewangan atau peruntukan bagi faedah anak-anak pegawai dan bekas pegawai Majlis, perbadanan dan syarikat Majlis yang difikirkan oleh Yayasan patut menerimanya atau miskin bagi maksud membolehkan mereka meneruskan pengajian mereka; dan
- (f) untuk mengadakan bantuan atau pertolongan lain yang bersampingan dengan atau sesuai bagi pencapaian tujuan itu.”.

### Pindaan peraturan 3

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “oleh Majlis” perkataan “atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis”;
- (b) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “Pengerusi Majlis” dengan perkataan “Majlis”;
- (c) dalam subperaturan (5), dengan memasukkan selepas perkataan “Pengerusi Yayasan” perkataan “atau jika dia menjadi tidak layak di bawah perenggan (6)”;
- (d) dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

“(6) Orang yang berikut tidak layak menjadi anggota Yayasan:

- (a) seorang bankrap;

- (b) seorang yang telah disabitkan dengan suatu kesalahan dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun; atau
- (c) seorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menjalankan kewajipannya.”.

#### Pindaan peraturan 4

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 4 dengan peraturan yang berikut:

“Kuasa dan fungsi Yayasan. 4. (1) Tertakluk kepada kelulusan Majlis terlebih dahulu, Yayasan hendaklah mempunyai kuasa bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini dan khususnya—

- (a) untuk meminta dan menerima derma, hadiah, dana dan wang lain;
- (b) untuk mengambil guna dan menggunakan apa-apa harta atau pendapatan bagi apa-apa harta, yang dipegang oleh Yayasan atau yang dipegang sebagai amanah untuk Yayasan bagi maksud supaya harta itu atau pendapatan daripada harta itu boleh digunakan bagi faedah Yayasan;
- (c) untuk mengambil, memegang, membeli, mengunderait atau selainnya memperoleh apa-apa saham atau syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian, dan untuk melupuskan saham atau syer itu mengikut terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Panel Pelaburan;
- (d) atas nasihat Panel Pelaburan, untuk menggunakan wang yang dipegang oleh Yayasan bagi maksud pelaburan setakat dan mengikut cara yang berikut:
  - (i) tidak kurang daripada tujuh puluh peratus daripadanya dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208] atau dengan cara deposit dengan apa-apa institusi kewangan yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau
  - (ii) tidak lebih daripada tiga puluh peratus daripadanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.”.

#### Peraturan baru 4A

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 4 peraturan yang berikut:

“Panel Pelaburan. 4A. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Panel Pelaburan yang terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Majlis dengan kelulusan Menteri;
- (b) seorang wakil daripada Perbendaharaan;
- (c) seorang wakil daripada Kementerian Pembangunan Usahawan;
- (d) seorang anggota Majlis;
- (e) dua orang anggota lain yang mempunyai pengalaman perniagaan atau kewangan yang hendaklah dilantik oleh Majlis.

(2) Panel Pelaburan hendaklah bertanggungjawab bagi perkara-perkara mengenai pelaburan wang Kumpulan Wang Yayasan.”.

### **Pindaan peraturan 5**

7. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peraturan yang sedia ada sebagai subperaturan (1) peraturan itu;
- (b) dalam subperaturan (1)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “tugas<sup>2</sup> dan tujuan<sup>2</sup>-nya” perkataan “yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini”;
  - (ii) dengan menggantikan subperenggan (a)(iii) dengan subperenggan yang berikut:
 

“(iii) semua dana atau wang lain yang diterima oleh Yayasan melalui derma atau hadiah;”;
  - (iii) dalam subperenggan (b)(iii), dengan memasukkan selepas perkataan “Yayasan” perkataan “atau bunga ke atas pinjaman itu,”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Sebagai tambahan kepada kewajipan yang dikenakan ke atas Yayasan oleh Peraturan-Peraturan ini, Yayasan boleh, dengan kelulusan Majlis, menjalankan fungsi-fungsi lain dan mentadbirkan dan membelanjakan wang lain bagi apa-apa maksud sebagaimana yang penderma atau penyumbang termasuk Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri boleh menyerah hak kepadanya dan dalam berbuat demikian Yayasan disifatkan memenuhi maksud Peraturan-Peraturan ini dan Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi Yayasan berkenaan dengan fungsi-fungsi dan pentadbiran dan perbelanjaan wang itu.

(3) Akaun bagi wang yang disebut dalam perenggan (2) hendaklah disimpan berasingan dan lain daripada akaun Kumpulan Wang Yayasan dan akaun Yayasan.”.

**Pindaan peraturan 7**

## 8. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Julai” dengan perkataan “September”;
- (ii) dengan memotong perkataan “bulan September pada”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “permulaan tahun” perkataan “berikut”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “satu tahun” perkataan “dan Majlis boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan dimasukkan ke dalamnya.”.

**Pindaan peraturan 8**

## 9. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “sa-orang juru odit” dengan perkataan “Ketua Audit Negara atau juruaudit lain”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Selepas berakhir setiap tahun kewangan, dan sebaik sahaja akaun Yayasan diaudit, Yayasan hendaklah menyebabkan suatu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri, bersama-sama suatu salinan apa-apa pemerhatian yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik di bawah perenggan (2) mengenai apa-apa penyata atau akaun Yayasan itu.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Menteri hendaklah menyebabkan suatu salinan tiap-tiap penyata dan pemerhatian yang disebut dalam perenggan (3) dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.”.

**Pindaan peraturan 9**

10. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “di-kehendaki” perkataan “dari semasa ke semasa”.

**Pindaan peraturan 10**

11. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Yayasan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua bulan.”.



### Pindaan peraturan 11

12. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Pada semua mesyuarat Yayasan, Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat, tetapi semasa ketiadaannya kerana sakit atau semasa dia tidak berada dalam Persekutuan, Pengerusi sementara yang dilantik menurut perenggan 3(4) hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.”.

### Pindaan peraturan 12

13. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “yang difikirkan-nya mustahak untuk mengurus apa<sup>2</sup> jua perkara yang berkaitan dengan tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup>-nya; dan jawatan-kuasa<sup>2</sup> itu hendak-lah, terta'alok kepada perenggan (2), terdiri daripada mana<sup>2</sup> daripada ahli Yayasan yang di-lantek-nya” dengan perkataan “yang difikirkannya perlu untuk menjalankan fungsi-fungsi yang diwakilkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa itu oleh Yayasan dan untuk memeriksa dan membuat laporan kepada Yayasan mengenai apa-apa perkara yang berbangkit daripada atau yang berkaitan dengan mana-mana kuasa dan kewajipan Yayasan di bawah Peraturan-Peraturan ini”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (1) boleh memasukkan sebagai anggotanya dan menjemput untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya orang selain anggota Yayasan.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Jika orang yang disebut dalam perenggan (2) dimasukkan atau dijemput, Yayasan boleh dengan resolusi mengisytiharkan saraan atau elaun orang itu dan saraan atau elaun itu hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Yayasan.

(2B) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (1) boleh melantik satu jawatankuasa kecil atau lebih.”.

### Peraturan baru 12A

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 12 peraturan yang berikut:

“<sup>Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif.</sup> 12A. (1) Yayasan hendaklah, dengan kelulusan Majlis, melantik Ketua Pegawai Eksekutif mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai oleh Yayasan.

- (2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi—
- (a) penyediaan program, skim atau projek untuk pertimbangan Yayasan;
  - (b) pengeluaran panduan dasar atau penerangan mengenai keputusan-keputusan Yayasan; dan
  - (c) penyeliaan dan pengawalan ke atas pelaksanaan keputusan-keputusan Yayasan.”.

#### **Pindaan peraturan 14**

15. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perenggan (2)(b).

#### **Peraturan baru 14A**

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 14 peraturan yang berikut:

“Kuasa Yayasan 14A. (1) Yayasan boleh—  
untuk  
mewakulkan.

- (a) mewakulkan kuasa dan kebenaran kepada mana-mana anggota Yayasan, atau pegawai atau jawatankuasa untuk menjalankan bagi pihaknya apa-apa kewajipan, kuasa atau fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh Yayasan; dan
- (b) memberi kuasa kepada mana-mana anggota Yayasan, pegawai atau jawatankuasa yang disebut dalam subperenggan (a) untuk mewakulkan kepada mana-mana orang lain atau jawatankuasa kecil apa-apa kewajipan, kuasa atau fungsi yang diwakulkan dalam subperenggan (a).

(2) Yayasan boleh, pada masa mewakulkan apa-apa kuasa atau kebenaran di bawah perenggan (1) kepada mana-mana anggota Yayasan, pegawai atau jawatankuasa, atau pada bila-bila masa sesudah itu, memberikan arahan mengenai cara yang mengikutnya kuasa dan kebenaran yang diwakulkan itu hendaklah dijalankan dan boleh pada bila-bila masa membatalkan, mengubahsuaikan atau menambah pewakilan itu.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1) dan tertakluk kepada perenggan (2) peraturan ini, Yayasan boleh mewakulkan kepada mana-mana anggota Yayasan, pegawai, jawatankuasa atau orang, sama ada pegawai atau pekhidmat Yayasan atau tidak, kebenaran bagi membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Yayasan atau mana-mana wang lain di bawah kawalan Yayasan hingga had yang ditetapkan oleh Yayasan dalam setiap hal.”.

### Peraturan baru 15A

17. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 15 peraturan yang berikut:

“Kuasa untuk membuat perintah tetap. 15A. Yayasan boleh, dengan kelulusan Majlis, membuat perintah tetap bagi atau berkenaan dengan gaji, elaun dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk tatatertib pegawai dan pekhidmatnya secara am.”.

### Peraturan baru 16

18. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 15A peraturan yang berikut:

“Tanggungjawab anggota. 16. Tiada anggota Majlis atau Yayasan atau Panel Pelaburan boleh dijadikan bertanggungjawab sendiri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam pentadbiran hal ehwal Yayasan melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh perbuatan salah atau peninggalan yang sengaja pada pihak anggota itu.”.

Dibuat 8 Mei 2003  
[KPU(S) 20/9/2; PN(PU<sup>2</sup>)259/II]

DATUK WIRA ABU SEMAN BIN HAJI YUSOP  
*Pengerusi*  
*Majlis Amanah Rakyat*

## MAJLIS AMANAH RAKYAT ACT 1966

### YAYASAN PELAJARAN MARA (AMENDMENT) REGULATIONS 2003

In exercise of the powers conferred by section 25 of the Majlis Amanah Rakyat Act 1966 [*Act 489*], the Majlis makes the following regulations:

#### Citation

1. These regulations may be cited as the **Yayasan Pelajaran MARA (Amendment) Regulations 2003**.

#### New regulation 1A

2. The regulations in the Majlis Amanah Ra'ayat (Yayasan Pelajaran MARA) Order 1969 [*P.U. (A) 134/1969*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 1 the following regulation:

“<sup>Interpretation.</sup> 1A. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Chief Executive Officer” means an executive officer in the service of the Yayasan appointed under regulation 12A;

“Investment Panel” means the Investment Panel established under regulation 4A;

“Yayasan Fund” means the fund established under regulation 5.”.

### **Amendment of regulation 2**

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 2 the following regulation:

“<sup>Purposes and objects of the Yayasan.</sup> 2. The objects of the Yayasan shall be—

- (a) to establish, receive and administer funds for educational, scientific and technological development for Bumiputras;
